

TARIKH	SELASA, 26 SEPTEMBER 2023
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	ROTOVATOR BANTU PETANI PRODUKTIF, JIMATKAN MASA
M/S	26
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	SCIENCE AND TECHNOLOGY



KAEDAH menggembur menggunakan cocopeat rotovator membantu kerja menjadi lebih cepat dan menjimatkan masa.

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intan.suhana@mediamula.com.my

PERTANIAN kaedah fertigasi kebiasaannya menggunakan cocopeat atau sekam padi sebagai media tanaman yang diletakkan di dalam polibeg.

Selepas proses menuai, cocopeat di dalam polibeg berkenaan biasanya akan digemburkan semula bagi pusingan penanaman seterusnya.

Bagaimanapun sejak sekian lama, proses berkenaan menjadi salah satu isu yang dihadapi petani fertigasi, memandangkan proses menggembur mengambil masa lama, sekitar sebulan hingga 40 hari.

Ia sekali gus menjadikan pusingan tanaman petani kurang efisien selain meningkatkan kos operasi.

Menyedari permasalahan itu, Agen Pengembangan Tanaman, Sahabuddin Samsudeng bersama kumpulannya membangunkan inovasi alat penggembur tanah lebih praktikal, *Cocopeat Rotovator*.

Inovasi ini menggantikan cangkul dalam kaedah manual itu memudahkan petani menggemburkan cocopeat dengan kadar yang lebih cepat sekali gus mengurangkan kos operasi.

"Alat ini diperbuat dari bahan terbuang sahaja seperti besi terpakai, plate belakang mesin rumput yang sudah tidak digunakan lagi dan gerigi.

"Ia boleh menggemburkan tanah secara terus di dalam polibeg selain mampu memotong akar lebih tanaman atau tunggul lama," katanya.

Beliau ditemui pada majlis Hari Inovasi Jabatan Pertanian baru ini-baru ini.

Rotovator bantu petani produktif, jimatkan masa



SAHABUDDIN SAMSUDENG

Menariknya, inovasi daripada bahan terbuang itu hanya membabitkan kos sekitar RM20.

Dalam majlis itu inovasi *Cocopeat Rotovator*, berjaya merangkul pingat emas.

JIMAT MASA

Maklumbalas diterima daripada petani yang sudah menggunakan inovasi itu juga

KELEBIHAN

- » Menggembur tanah dengan lebih cepat.
- » Memutuskan akar.
- » Menghancurkan sisa dengan lebih mudah.
- » Menjimatkan masa petani.
- » Mengatasi masalah kos operasi.

memuaskan.

Antaranya adalah ia dapat menggembur, memutuskan akar dan menghancurkan sisa tanaman dengan mudah, Sahabuddin berkata, inovasi itu diaplikasikan kepada kelompok Usahawan Projek Fertigasi di Kampung Bukit Kenau yang mempunyai 7,500 bilangan polibeg dengan pelbagai jenis tanaman seperti cili besar, timun dan bendi. "Maklumbalas kami terima

memandangkan ia dapat dibuat terus di dalam polibeg serta memerlukan tenaga kerja minima.

Kebiasaannya, kaedah manual memerlukan petani untuk membuang satu-satu cocopeat di dalam polibeg ke atas tanah dan digembur menggunakan cangkul.

Kemudian, petani perlu memasukkan semula cocopeat di dalam polibeg secara satu persatu untuk digunakan semula dan mereka juga perlu mencabut dan membuang tunggul atau sisa secara manual.

PENGUNAAN DIPERLUAS

Mengenai perancangan ke hadapan, Sahabuddin berharap inovasi itu dapat diperluas ke peringkat nasional.

Penggunaan itu bukan sahaja memudahkan proses penanaman fertigasi, malah menarik lebih ramai anak muda terutamanya untuk menceburkan diri dalam dunia pertanian sementelah pertanian adalah perniagaan.

Penglibatan lebih ramai pihak dalam industri pertanian juga secara tidak langsung dapat menyumbang kepada keterjaminan makanan yang menjadi keimbangan rakyat pada ketika ini.

Penghasilan kos inovasi murah juga memungkinkan ia digunakan oleh sesiapa jua.

Hanya bermodalkan barangan terpakai sekitar RM20, sudah mampu menghasilkan penggembur tanah yang boleh membantu menjimatkan keringat petani.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM